



NEGERI KEDAH DARUL AMAN

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF KEDAH DARUL AMAN GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 60
No. 17

17hb Ogos 2017

*TAMBAHAN No. 12
PERUNDANGAN*

K. P.U. 15.

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987
[*Akta 333*]

PERINTAH KENDERAAN-KENDERAAN BERAT
(SEKATAN PENGGUNAAN JALAN)
MAJLIS DAERAH KUBANG PASU 2017

SUSUNAN PERINTAH

Perintah

1. Nama, pemakaian dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Larangan kenderaan berat untuk menggunakan jalan dan memasuki taman perumahan
4. Andaian
5. Pengecualian
6. Penghalangan dan pengalihan
7. Perletakan kenderaan berat hanya di terminal kenderaan berat

Perintah

8. Kompaun
9. Pengeluaran tawaran kompaun
10. Penalti

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

JADUAL KEEMPAT

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987
[*Akta 333*]

PERINTAH KENDERAAN-KENDERAAN BERAT
(SEKATAN PENGGUNAAN JALAN)
MAJLIS DAERAH KUBANG PASU 2017

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh subseksyen (1) seksyen 70 Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*], Majlis Daerah Kubang Pasu, pihak berkuasa yang berkenaan berhubungan dengan mana-mana jalan selain dari jalan-jalan Persekutuan yang terletak di dalam kawasan Majlis Daerah Kubang Pasu, setelah berunding dengan Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan, dengan ini membuat perintah berikut:

Nama, pemakaian dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kenderaan-Kenderaan Berat (Sekatan Penggunaan Jalan) Majlis Daerah Kubang Pasu 2017**.

(2) Perintah ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ianya disiarkan dalam *Warta*.

(3) Perintah ini hendaklah terpakai hanya bagi kawasan Majlis Daerah Kubang Pasu.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Yang Dipertua” ertinya Yang Dipertua, Majlis Daerah Kubang Pasu dan termasuklah Setiausaha;

“kenderaan” mempunyai makna yang diperuntukkan di dalam Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*];

“kenderaan-kenderaan berat” ertinya kenderaan-kenderaan sepertimana yang ditetapkan di dalam Jadual Pertama Perintah ini;

“kenderaan kemudahan awam” ertinya pengangkutan awam dalam kawasan Majlis, bas sekolah dan kenderaan perkhidmatan utiliti;

“kenderaan motor” mempunyai makna yang diperuntukkan di dalam Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*];

“Majlis” ertinya Majlis Daerah Kubang Pasu; dan

“terminal kenderaan berat” ertinya tempat atau kawasan persinggahan yang menghubungkan lori-lori perkhidmatan pengangkutan jarak jauh antara bandar dengan lori-lori perkhidmatan pengumpulan dan penghantaran dalam bandar atau dengan rangkaian lalu lintas pengedaran di luar bandar;

Larangan kenderaan berat untuk menggunakan jalan dan memasuki taman perumahan

3. Kenderaan-kenderaan berat seperti yang ditetapkan dalam Jadual Pertama adalah dilarang dari menggunakan jalan-jalan di dalam taman-taman perumahan dalam kawasan Majlis seperti yang ditetapkan dalam Jadual Kedua kecuali mendapat kebenaran bertulis dari Yang Dipertua dengan syarat tidak merosakkan, mengotorkan, menghalang dan melakukan kacau ganggu di jalan atau kawasan sekitarnya.

Andaian

4. Untuk maksud Perintah ini, kenderaan-kenderaan berat yang diletakkan di atas bahu jalan, jalan atau mana-mana bahagian jalan yang dilarang adalah dianggap telah dipandu atau digunakan di atas jalan-jalan tersebut.

Pengecualian

5. Perintah ini tidak terpakai kepada kenderaan kepunyaan Kerajaan Persekutuan atau Negeri atau mana-mana pihak berkuasa tempatan atau badan berkanun dan kenderaan kemudahan awam.

Penghalangan dan pengalihan

6. (1) Tiada sesiapa pun boleh atau menyebabkan supaya dihalang mana-mana bahu jalan, jalan atau mana-mana bahagian jalan yang dilarang seperti yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

(2) Tertakluk kepada seksyen 64 Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333], jika mana-mana kenderaan berat didapati menghalang mana-mana bahu jalan, jalan atau mana-mana bahagian jalan yang dilarang daripada seperti yang ditetapkan di dalam Jadual Kedua, Yang Dipertua atau mana-mana orang yang diberi kuasa bagi maksud itu oleh Majlis atau mana-mana pegawai polis boleh mengarahkan kenderaan itu dialih dan disimpan dalam jagaan Majlis sehingga dilepaskan dengan perintah Yang Dipertua atau mana-mana pegawai Majlis yang diberi kuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua.

Dengan syarat bahawa Majlis hendaklah memberi notis bertulis dengan seberapa segera yang munasabah kepada pemunya kenderaan berat itu, jika mana-mana alamat pemunya itu diketahui mengenai pengalihan dan jagaan kenderaan berat itu.

(3) Kenderaan berat itu boleh terus berada dalam jagaan selamat Majlis sehingga apa-apa kos simpanan dan belanja pengalihan seperti yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga telah dibayar kepada Majlis.

(4) Majlis tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerosakan yang berlaku kepada mana-mana kenderaan berat itu dalam masa pengalihan dan semasa di dalam jagaan Majlis.

Perletakan kenderaan berat hanya di terminal kenderaan berat

7. Kenderaan berat hanya dibenarkan diletakkan di tempat letak kenderaan berat atau di terminal kenderaan berat yang telah disediakan oleh Majlis dengan membayar caj seperti yang ditetapkan dalam Jadual Keempat:

Kompaun

8. Tertakluk kepada peruntukan di bawah seksyen 120(1)(c) Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333], Yang Dipertua dan pegawai yang diberi kuasa boleh mengikut budi bicaranya mengkompaun mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah Perintah ini dengan kompaun tidak melebihi tiga ratus ringgit.

Pengeluaran tawaran kompaun

9. Tawaran kompaun bagi mana-mana kesalahan yang dilakukan di bawah Perintah ini boleh dikeluarkan oleh pegawai penguatkuasa atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Yang Dipertua.

Penalti

10. Tertakluk kepada peruntukan di bawah seksyen 53 Akta dan perenggan 5, sesiapa yang tanpa alasan yang sah di sisi undang-undang didapati melanggar mana-mana peruntukan Perintah ini adalah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 70(4) Akta dan sekiranya disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya.

JADUAL PERTAMA

1. Kereta tangki minyak atau air.
2. Lori-lori balak.
3. Kenderaan-kenderaan yang berat muatan maksimum (yang dibenarkan) melebihi 5 tan.
4. Traktor.
5. Treler.
6. Jengkaut pengalih tanah.
7. Jentera menuai padi.
8. Jentolak.

ROAD TRANSPORT ACT 1987
[Act 333]

KUBANG PASU DISTRICT COUNCIL
(HEAVY VEHICLES)
(RESTRICTION ON USE OF ROADS) ORDER 2017

ORDER

Order

1. Citation, application and commencement
2. Interpretation
3. Prohibition on heavy vehicles from using the roads in residential areas
4. Presumption
5. Exemption
6. Obstruction and removal thereof
7. Heavy vehicles parked in the heavy vehicles terminal only
8. Compound
9. Issuance offer to compound
10. Penalty

FIRST SCHEDULE

SECOND SCHEDULE

THIRD SCHEDULE

FOURTH SCHEDULE

ROAD TRANSPORT ACT 1987
[Act 333]

KUBANG PASU DISTRICT COUNCIL
(HEAVY VEHICLES)
(RESTRICTION ON USE OF ROADS) ORDER 2017

IN exercise of the powers conferred by subsection (1) of section 70 of the Road Transport Act 1987 [Act 333], the Kubang Pasu District Council being the appropriate authority in relation to any roads other than Federal Roads within the Kubang Pasu District Council area, after consultation with the Director General of Road Transport, hereby makes the following order:

Citation, application and commencement

1. (1) These Order may be cited as the **Kubang Pasu District Council (Heavy Vehicles) (Restriction On Use of Roads) Order 2017**.

(2) These Order shall come into force on its publication in the *Gazette*.

(3) These Order shall apply to the area of Kubang Pasu District Council.

Interpretation

2. In these Order, unless the context otherwise requires—

“President” means the President of the Kubang Pasu District Council and includes the Secretary;

“vehicles” has the meaning as assigned to it in the Road Transport Act 1987 [Act 333];

“heavy vehicles” means vehicles as specified in the First Schedule of this Order;

“public convenience vehicles” means public transport within the Council area, school bus and utilities service transport;

“motor vehicles” has the meaning as assigned to it in the Road Transport Act 1987 [Act 333];

“Council” means the Kubang Pasu District Council; and

“Terminal heavy vehicle” means a place or area that connects stopover lorries distance transport services between cities with lorries collecting and shipping services in the city or the traffic distribution networks in rural areas.

Prohibition on heavy vehicles from using the roads in residential areas

3. Heavy vehicles as specified in First Schedule is prohibited from using the roads in residential areas in the Council area as specified in Second Schedule

unless otherwise authorized in writing by the President in condition not to cause damage, dirty, obstruction and nuisance on the road or nearby.

Presumption

4. In this Order, the heavy vehicles that was parked on side tables of roads or on the prohibited road or any part thereof is deemed to have been driven or used thereon.

Exemption

5. This Order shall not apply to vehicles belonging to the Federal or State Government or of any local authority of statutory body and public convenience vehicle.

Obstruction and removal thereof

6. (1) No person shall obstruct or caused to be obstructed any side tables of road, road or any part thereof as specified in Second Schedule.

(2) Subject to section 64 of the Road Traffic Act 1987 [Act 333], where any heavy vehicles is found to be obstructing any side tables of road or road or any part thereof as specified in Second Schedule, shall be removed by the instruction of Mayor or any person authorized on behalf of the Council or any police officer and taken into save custody of the Council till released by order of the President or any other officer of the Council duly authorized in writing by the President.

Provided that Council shall with all reasonable despatch give notice in writing to the owner of the heavy vehicles, if the name and address of such owner are known, of the removal and custody of such heavy vehicles.

(3) Such heavy vehicles may remain in the safe custody of the Council until all cost and expenses of the removal of such heavy vehicles as specified in Third Schedule been duly paid to the Council.

(4) The Council shall not be liable for any damage caused to any heavy vehicles in the course of its removal and whilst in the custody of the Council.

Heavy vehicles parked in the heavy vehicles terminal only

7. Heavy vehicles are allowed to park their vehicles in the heavy vehicles parking or in terminals for heavy vehicles that have been prepared by the Council as specified charges set forth in the Fourth Schedule:

Compound

8. Subject to the provision under section 120(1)(c) of the Road Transport Act 1987 [Act 333], the Mayor and any authorized officer may in his discretion compound any offense committed under this Order with compound not exceeding three hundred ringgit.

Issuance offer to compound

9. Offer to compound of any offense punishable under this Order shall be issued by enforcement officer or any authorized officer by the President.

Penalty

10. Subject to the Provision under section 53 of the Act and paragraph 5, any person found without lawful excuse contravenes any of the provisions of this Order shall be guilty of and offense punishable under section 70(4) of the Act, and shall on conviction be liable to a fine not exceeding one thousand ringgit or imprisonment for a peroid not exceeding three months or both.

FIRST SCHEDULE

1. Oil or water tanker.
2. Timber lorries.
3. Vehicles with the maximum laden weight (with approval) of which exceeds 5 tons.
4. Tractors.
5. Trailers.
6. Harvestors.
7. Earth moving excavators.
8. Bulldozers.

SECOND SCHEDULE

All streets in residential areas which under jurisdiction of Council.

THIRD SCHEDULE

[Paragraph 6(3)]

COST FOR DETENTION AND REMOVAL

| Bil. | Item | Maximum charge |
|------|--|----------------|
| 1. | Detention cost of vehicle calculated for each day until vehicle is release | RM10.00 |
| 2. | Removal charge | RM1,500.00 |

FOURTH SCHEDULE

[Paragraph 7]

PAYMENT CHARGES

| Bil. | Item | Charge |
|------|--------------|---------------------------------------|
| 1. | Monthly rate | RM150.00 per month |
| 2. | Hour rate | RM10.00 per hour (maximum RM50.00) |

Made on the
[Bil. MDKP.]

MOHD FISOL BIN MD NOH
S.D.K., A.M.K., B.C.K.
President
Kubang Pasu District Council

Confirmed by the State Authority in the meeting on the 12 July 2017.
[PSU(K) 98-1396 Jld. 20 SK. 7]

HAJI IQBAL BIN AHMAD
State Executive Council
Kedah Darul Aman

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
CAWANGAN ALOR SETAR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA